

ANALISIS KESALAHAN PENULISAN BAHASA MELAYU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH

MOHAMAD KHAZAEN BIN MAT NASIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**ANALISIS KESALAHAN PENULISAN BAHASA MELAYU MURID
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN
PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH**

MOHAMAD KHAZAEN BIN MAT NASIR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10.....(hari bulan).....09..... (bulan) 2024..

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMAD KHAJAEN BIN MAT NABIR, M20221000471, FAKULTI PEMBAANGUNAN MAMPAK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALIS KESALAHAN PENULISAN BAHASA MELAYU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAAN PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. ABDUL RAHIM BIN RAZALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALIS KESALAHAN PENULISAN BAHASA MELAYU MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAAN PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KHAS (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10.09.2024
Tarikh


PROFESOR DR. ABDUL RAHIM BIN RAZALI
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي قديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: ANALISIS KEJALANAN PENCUCIAAN BAHASA MELAYU
MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN
PENDENGARAN SEKOLAH RENDAHNo. Matrik / Matric's No.: M20221000471Saya / I: MOHAMAD KHAJAEEN BIN MAT NASIR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-



1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**
(Tandatangan Pelajar/ Signature)Tarikh: 10.09.2024
PROFESOR DR. ABUL RAHIM BIN RAZALI
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
35900 Tanjung Malim
Perak Darul RidzuanCatatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana mengizinkan saya meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana ini. Terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Profesor Dr. Abdul Rahim bin Razalli kerana membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada penilai cadangan penyelidikan atas tunjuk ajar yang membantu saya untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi tentang penyelidikan ini. Sekalung penghargaan saya hulurkan kepada mak dan ayah, adik beradik saya yang banyak memberi sokongan moral sepanjang pengajian saya. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan di SKPK Persekutuan Pulau Pinang (2017-2024), guru-guru yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang saya tempoh pengajian saya. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia atas penajaan pengajian saya. Terima kasih semua.



ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneliti kesalahan penulisan bahasa Melayu, kesan penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu terhadap struktur penulisan bahasa Melayu dan teknik untuk mengurangkan kesalahan penulisan bahasa Melayu serta faktor yang mempengaruhi kesalahan penulisan bahasa Melayu murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ketidakupayaan pendengaran. Kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini telah melibatkan 10 orang MBPK ketidakupayaan pendengaran dan enam orang guru bahasa Melayu yang mengajar MBPK dari tiga buah Sekolah Pendidikan Khas Zon Utara (Perak, Penang, Kedah) dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Kajian ini melibatkan tiga pendekatan kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian mendapati bahawa MBPK ketidakupayaan pendengaran tahap teruk dan sangat teruk melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu bagi aspek ortografi, morfologi dan sintaksis. Kajian mendapati bahawa penggunaan medium komunikasi Kod Tangan Bahasa Melayu memberi pengaruh yang baik terhadap struktur penulisan bahasa Melayu serta pedadogi guru dan bahan bantu pengajaran yang menarik dapat membantu mengurangkan kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran tahap teruk dan sangat teruk. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap kehilangan pendengaran dan usia berlakunya ketidakupayaan pendengaran mempengaruhi kesalahan penulisan bahasa Melayu murid berkeperluan pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran. Kesimpulannya, penggunaan medium komunikasi Kod Tangan Bahasa Melayu serta teknik pengajaran yang baik dapat memberi kesan yang positif terhadap penulisan MBPK ketidakupayaan pendengaran. Implikasi kajian ini mendapati bahawa penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu serta Bahasa Isyarat Malaysia dapat membantu MBPK ketidakupayaan pendengaran dalam mempelajari penulisan ayat bahasa Melayu dengan baik.





ANALYSIS OF WRITING ERRORS IN MALAY LANGUAGE FOR PUPILS WITH SPECIAL NEEDS IN HEARING IMPAIRMENT IN PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

This qualitative study aims to investigate errors in Malay language writing, the effect of using Malay Sign Language Code on the structure of Malay language writing, techniques to reduce errors in Malay language writing, and factors that influenced writing errors among special education pupils with hearing impairment. This qualitative study with a case study design involved 10 pupils with hearing impairment and six Malay language teachers from three Special Education Schools in the Northern Zone (Perak, Penang, Kedah) using purposive sampling techniques. The study employed three data collection methods which are document analysis, interviews, and observations. The findings revealed that pupils with severe and profound hearing impairment made errors in Malay language writing in the aspects of orthography, morphology, and syntax. The study also found that the use of Malay Sign Language Code positively influenced the structure of Malay language writing, and that effective teaching pedagogy and engaging teaching materials could help in reducing writing errors among pupils with severe and profound hearing impairment. The results of this study found that the stages of hearing loss and the age of the hearing impairment influenced the writing error of Malay language between the pupils with special needs in hearing impairment. To conclude, the use of the Malay Language Hand Code communication medium as well as good teaching techniques can have a positive impact on the writing of pupils with special needs in hearing impairment. The implications of this study suggest that the use of Malay Sign Language Code and Malaysian Sign Language able to assist pupils with hearing impairment in learning to write Malay sentences proficiently.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	14
1.7.1 Guru Pendidikan Khas	14

1.7.2	Pentadbir Sekolah	15
1.7.3	Bahagian Pendidikan Khas	16
1.7.4	Pegawai Kementerian Pendidikan dan Institut Pendidikan Guru	16
1.8	Batasan Kajian	17
1.9	Definisi Operasional	18
1.9.1	Analisis	19
1.9.2	Kesalahan	20
1.9.3	Penulisan	20
1.9.4	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran	21
1.10	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran	25
2.3	Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Ketidakupayaan pendengaran	28
2.4	Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran	32
2.5	Teori Pembelajaran Bahasa Kedua	34
2.6	Kerangka Teori Analis Kesilapan	36
2.7	Masalah Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran	41
2.8	Kajian Berkaitan Penguasaan Bahasa Kedua	44
2.9	Kajian Penulisan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran	48
2.10	Rumusan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Lokasi Kajian	56
3.4	Pensampelan Kajian	58
3.4.1	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran	60
3.4.2	Guru Pendidikan Khas	62
3.5	Instrumen Kajian	63
3.5.1	Dokumen Ujian Bahasa Melayu	63
3.5.2	Soalan Temu Bual	65
3.5.3	Senarai Semak Pemerhatian	66
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	67
3.6.1	Pengkaji Sebagai Alat Kajian	68
3.6.2	Prosedur Analisis Dokumen	69
3.6.3	Prosedur Temu Bual	71
3.6.4	Prosedur Pemerhatian	74
3.7	Penganalisan Data	76
3.7.1	Analisis Dokumen	77
3.7.2	Analisis data Temu Bual	78
3.7.3	Analisis Semasa Pengumpulan Data	79
3.8	Kajian Rintis	80
3.8.1	Pentadbiran Kajian Rintis	81
3.8.2	Keputusan Kajian Rintis	83
3.8.3	Penambahbaikan Pentadbiran Instrumen Penentu	84

Keberkesanan bahasa Melayu Tahap 2

3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	85
3.10	Etika Kajian	89
3.11	Rumusan	90

BAB 4 DAPATAN

4.1	Pengenalan	91
4.2	Profil Informan	92
4.2.1	Informan Bagi Murid	92
4.2.2	Informan Bagi Guru	93
4.3	Pandangan Umum Tentang Dapatan Kajian	96
4.3.1	Persoalan Kajian 1: Adakah Terdapat Kesalahan Dalam Penulisan Bahasa Melayu MBPK Ketidakupayaan Pendengaran?	97
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Kesan Penggunaan KTBM Terhadap Struktur Penulisan Bahasa Melayu MBPK Ketidakupayaan Pendengaran?	110
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Apakah Teknik yang boleh Mengurangkan Kesalahan Dalam Penulisan Bahasa Melayu MBPK Ketidakupayaan Pendengaran?	116
4.3.4	Persoalan Kajian 4: Apakah Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesalahan Penulisan Bahasa Melayu MBPK Ketidakupayaan Pendengaran?	119
4.4	Rumusan Dapatan	123
4.5	Kesimpulan	125

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	126
5.1	Rumusan Kajian	126
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	129
5.2.1	Kesalahan Ejaan Bahasa Melayu	129

5.2.2	Kesalahan Morfologi Bahasa Melayu	130
5.2.3	Kesalahan Sintaksis Bahasa Melayu	132
5.2.4	Kesan Penggunaan KTBM Terhadap Struktur Penulisan Bahasa Melayu	133
5.2.5	Teknik Pengajaran Untuk Mengurangkan Kesalahan Penulisan Bahasa Melayu	136
5.2.6	Faktor Yang Mempengaruhi Kesalahan Penulisan Bahasa Melayu MBPK Ketidakupayaan pendengaran	140
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	143
5.3.1	Implikasi Kajian Kepada Guru Pendidikan Khas	144
5.3.2	Implikasi Kajian Kepada Pentadbir Sekolah	145
5.3.3	Implikasi Kajian Kepada Bahagian Pendidikan Khas	147
5.3.4	Implikasi Kajian Kepada Kementerian Pendidikan dan Institut Pendidikan Guru	148
5.4	Sumbangan Kajian	150
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	152
5.6	Kesimpulan	154
	RUJUKAN	155
	LAMPIRAN A - J	166

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Keputusan UPSR tahun 2014 – 2016 Bagi Calon MBPK Pendengaran Di Sebuah Sekolah	7
2.1 Aspek Linguistik Yang Menjadi Kesukaran Kepada Murid Pekak	33
3.1 Kaedah Pengiraan Skema Pemarkahan Analitikal	77
3.2 Penambahbaikan Soalan Instrumen Penentu Keberkesanan Bahasa Melayu	85
3.3 Senarai Pakar Penilai Instrumen Kajian	88
3.4 Skala Pengukuran Persetujuan Pakar	88
4.1 Profil Informan Murid	93
4.2 Profil Informan Guru	95
4.3 Jumlah Kesalahan Ortografi (Ejaan)	98
4.4 Jumlah Kesalahan Morfologi	101
4.5 Jumlah Kesalahan Sintaksis	104
4.6 Jumlah Kesalahan Keseluruhan	106
4.7 Maklumat Ketidakupayaan Informan Murid dan Jumlah Kesahan Penulisan	120
4.8 Purata Kesalahan	122

SENARAI RAJAH

Muka surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
4.1	Kesalahan Ejaan Suku Kata KV + KVKK	99
4.2	Kesalahan Ejaan Suku Kata KVK	100
4.3	Kesalahan Morfologi bagi Imbuhan Awalan, Apitan, Sisipan dan Akhiran	102
4.4	Kesalahan Kedudukan Predikat Ayat	104
4.5	Kesalahan Penggunaan Kata Yang Tidak Sesuai	105

SENARAI SINGKATAN

BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KTBM	Kod Tangan Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
PPKI	Program Pendidikan Kelas Integrasi
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- B Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- C Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
- D Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- E Instrumen Penentuan Penguasaan Bahasa Melayu Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Pendengaran Tahap 2
- F Transkrip Temu Bual
- G Borang Pemerhatian
- H Surat Pelantikan Pakar Instrumen Kajian
- I Borang Pengesahan Pakar Penilai
- J Surat Kebenaran Ibu Bapa

BAB 1

PENGENALAN

Jika diteliti pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ketidakupayaan pendengaran di Malaysia yang bermula pada tahun 1954, permulaan ini agak lewat jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kementerian Pelajaran (1978) telah membentuk Jawatankuasa Kebangsaan Komunikasi seluruh yang bertanggung jawab merancang pendidikan untuk MBPK ketidakupayaan pendengaran berlandaskan pendekatan pembelajaran yang lebih baik. Berpanduan kejayaan yang dicapai di Amerika Syarikat, jawatankuasa ini cuba menerapkan pendekatan baharu yang dikenali sebagai pendekatan komunikasi seluruh yang merangkumi elemen isyarat, bacaan bibir, ekspresi muka, gaya badan dan pertuturan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membentuk satu isyarat yang dapat diterima sebagai bahasa yang ‘standard’ untuk negara ini.

MBPK ketidakupayaan pendengaran ini menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Manusia menggunakan bahasa kerana mereka ingin berkomunikasi antara satu lain. Keperluan bahasa bagi MBPK ketidakupayaan pendengaran ini adalah sangat penting untuk berkomunikasi dengan murid-murid tipikal. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua oleh MBPK ketidakupayaan pendengaran bukanlah satu perkara yang mudah sama ada pembelajaran tersebut berlaku dalam situasi formal atau secara semula jadi, iaitu dalam situasi sosial (Rubiah Hamzah, 2013).

Masalah penguasaan bahasa sering terjadi dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran. Oleh itu, kajian ini akan berfokus kepada kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran di Sekolah Pendidikan Khas (Pendengaran). Analisis kesalahan penulisan bahasa Melayu akan menjadi fokus kajian ini dan merupakan satu usaha ke arah meningkatkan pencapaian mereka terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Malaysia dan amat penting kepada semua murid. Bahasa Melayu digunakan untuk menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain yang diajar di sekolah. Penguasaan bahasa ini amat penting bagi memudahkan mereka menghadapi proses pengajaran dan pemudah cara di sekolah.



Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) yang melibatkan Bahasa Melayu (Suaian) 2017 telah dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Sains dan Teknologi, Fizikal dan Estetika, dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbangan, berpengetahuan dan berketerampilan.

Pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus kepada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Pada tahap satu, murid-murid perlu menguasai asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Hal ini bermakna konsep kembali kepada asas diberi penekanan yang khusus. Penekanan juga diberikan kepada pembelajaran yang menyeronokkan yang berkonsepkan aktiviti didik hibur.

Pada Tahap dua pula, penekanan diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran bahasa. Pembelajaran bahasa Melayu ini akan lebih menarik apabila guru dapat merancang pengajaran yang berkesan. Oleh itu, keterampilan berbahasa dalam kalangan murid dapat ditingkatkan sekiranya guru merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari, 2020)

Melalui penguasaan bahasa ini, murid dapat berinteraksi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca pula, murid dapat meningkatkan kosa kata di samping memupuk minat membaca. Pengajaran penulisan bahasa Melayu pula amat menekankan aspek penguasaan tatabahasa. Tatabahasa



merupakan salah satu aspek kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap individu bagi memastikan bahasa yang dipelajari adalah cekap dan berkesan (Nor Ain Nor Azman & Nur Farahkanna Mohd Rusli, 2020).

Kemahiran berbahasa dapat menjadikan seseorang itu lebih mahir dalam bidang yang dipelajari. Penguasaan kemahiran membaca, kemahiran lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mengira adalah elemen yang harus dikuasai oleh seseorang individu. Menurut Mahzan Arshad (2012), kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang amat penting bagi melahirkan seseorang pelajar literasi bahasa yang dapat memperkembangkan akal dan pemikiran melalui penulisan. Oleh itu, kemahiran menulis ini perlu dikuasai oleh MBPK ketidakupayaan pendengaran agar dapat memberi pelbagai impak yang positif kepada mereka terutama untuk berkomunikasi dengan murid tipikal yang tidak mengetahui tentang bahasa isyarat.

Dalam pada itu, penulisan dalam bahasa Melayu menggunakan abjad Rumi. Kaedah yang digunakan untuk pembelajaran membaca dan menulis adalah melalui membatangkan suku kata. Melalui kaedah ini, murid akan membaca berdasarkan suku kata, cantuman suku kata untuk membentuk perkataan yang seterusnya membentuk ayat (Abdullah Yusoff, 2023). Pembelajaran bacaan dan penulisan ini amat bergantung kepada bunyi-bunyi bahasa yang diujarkan. Kanak-kanak juga memerlukan model bahasa untuk menyerap, memproses dan seterusnya menggunakan kosa kata dalam pertuturan mereka (Blamey & Bauchat, 2023). Situasi ini yang menyebabkan murid ketidakupayaan pendengaran ini sukar untuk menulis dalam bahasa Melayu (Safari, 2016).

1.3 Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai dan dipelajari oleh semua murid. Menurut Mahzan Arshad (2012), murid-murid perlu diberi peluang untuk menghasilkan penulisan. Ini kerana penulisan merupakan kesinambungan daripada penulisan mekanis dan memberi latihan penulisan bermakna kepada murid-murid di sekolah. Menurut laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (2017) menyatakan bahawa MBPK ketidakupayaan pendengaran ini kurang menguasai bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu dengan baik. Hal ini kerana mereka mengalami kesukaran untuk memperoleh bahasa (Abdullah Yusoff, 2017). Oleh itu, bagi memperoleh bahasa kedua dengan baik, mereka ditempatkan di sekolah pendidikan khas masalah pendengaran bagi mendapat pembelajaran bahasa yang lebih sempurna (Satiah Abdullah, 2009).

Namun begitu, masalah penguasaan bahasa Melayu terutamanya dalam aspek penulisan dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini masih berlaku sehingga kini. Hal ini kerana, bahasa untuk berkomunikasi dalam kalangan mereka adalah Bahasa Isyarat Malaysia (Abdullah Yusoff, 2023). Manakala, pengajaran bahasa Melayu secara formal hanya di ajar selama lima jam dalam seminggu di dalam kelas dan bagi subjek lain, medium pengajaran adalah bercampur diantara Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan BIM. Hal ini merupakan salah satu punca kelemahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan mereka.

Dalam usaha mengembangkan dan memberi pendidikan yang lebih baik, pada tahun 1978, kerajaan telah menggubal Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) untuk kegunaan MBPK ketidakupayaan pendengaran mempelajari penulisan bahasa Melayu.

Bahasa Isyarat merupakan bahasa pertama MBPK ketidakupayaan pendengaran dan bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi mereka. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua telah berlaku di dalam situasi formal kerana pengajaran ini telah dirancang dan disesuaikan dengan kebolehan MBPK ketidakupayaan pendengaran.

Namun begitu, penguasaan MBPK ketidakupayaan pendengaran dalam bahasa Melayu masih rendah. Kenyataan ini disokong oleh dapatan daripada Nik Hassan (2016) yang menyatakan bahawa selepas bersekolah beberapa tahun, kanak-kanak ini masih sukar memahami bahasa yang digunakan di sekolah dan lemah dalam kemahiran menulis dan membaca. Hal ini disebabkan oleh bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi murid pekak (Abdullah Yusoff, 1994; Shahrul Arba'iah, 2001). Walaupun dinamakan sebagai bahasa kedua, Hal ini boleh melibatkan pembelajaran bahasa ketiga, keempat, atau yang berikutnya (Gass & Selinker, 2008). Perkara ini amat membimbangkan dan dikhuatiri memberi impak yang negatif pada masa depan MBPK ketidakupayaan pendengaran.

Jadual 1.1 menunjukkan pencapaian akademik murid ketidakupayaan pendengaran dalam mata pelajaran bahasa Melayu secara umum. Menurut Abdullah Yusoff (2017) menyatakan bahawa kebanyakan calon ketidakupayaan pendengaran ini lemah dalam mata pelajaran yang melibatkan penghasilan penulisan bahasa.

Jadual 1.1

Keputusan UPSR tahun 2014 – 2016 bagi calon ketidakupayaan pendengaran di sebuah sekolah.

TAHUN	MATA PELAJARAN	GRED						JUMLAH
		A	B	C	A+B+C	D	E	
2014	BM Kefahaman	0	0	2	2	11	20	33
	BM Penulisan	0	0	0	0	10	23	33
2015	BM Kefahaman	0	0	3	3	5	5	13
	BM Penulisan	2	1	1	4	0	9	13
2016	BM Kefahaman	0	0	0	0	0	13	13
	BM Penulisan	0	0	0	0	0	13	13

Sumber : Disesuaikan daripada Abdullah Yusoff, 2017

Berdasarkan Jadual 1.1 tersebut, data yang dipaparkan tidak mewakili semua MBPK ketidakupayaan pendengaran tetapi data tersebut mampu memperlihatkan pencapaian akademik MBPK ketidakupayaan pendengaran secara menyeluruh. Bilangan yang lulus secara baik dalam peperiksaan awam adalah minimum. Sesungguhnya, ketidakupayaan pendengaran yang dialami oleh mereka memberikan implikasi yang besar terhadap penguasaan bahasa dan seterusnya memberi impak yang negatif terhadap pencapaian akademik murid-murid ini.

Penulisan merupakan salah satu cara penting untuk berkomunikasi (Zamri Mahamod, 2016). Setiap individu mahu melahirkan perasaan seperti harapan, impian, kegembiraan, ketakutan, kemarahan dan setiap individu juga mahu mengemukakan ideanya yang tersendiri melalui penulisan. Kemahiran menulis juga akan membantunya untuk mempertimbangkan unsur yang ingin diutarakan secara lebih rasional. Namun begitu, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dipelajari dan

kemahiran yang sangat penting dalam kehidupan murid masalah pendengaran ini (Nik Hassan 2016).

Kemahiran menulis ini penting kerana MBPK ketidakupayaan pendengaran boleh menggunakan medium ini untuk berkomunikasi dengan murid tipikal. Hal ini selari dengan pernyataan Abdullah Yusof (2014) mendapati ramai murid pekak memerlukan kemahiran menulis bagi membolehkan orang ramai memahami mereka. Kualiti hidup mereka banyak bergantung kepada kebolehan mereka menulis untuk mendapatkan pendidikan, kemahiran, sosialisasi dan pekerjaan dalam dunia pengguna bahasa lisan (Abdullah dan Che Rabiaah, 2017)

Masalah penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sering berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid ketidakupayaan pendengaran walaupun telah diajar di sekolah, tetapi tahap penguasaan bahasa mereka adalah berbeza (Abdullah Yusoff & Che Rabiah, 2004). Dalam pada itu, banyak kajian melaporkan bahawa murid pekak tidak dapat menulis dengan baik dan bahasa tulisan mereka mengandungi banyak kesilapan dan sukar difahami (Paul, 1994). Menurut Nik Hassan (2016) juga mendapat gejala yang sama juga berlaku dalam kalangan murid yang menulis dalam bahasa Melayu. Meniti masalah ini, pengkaji amat tertarik untuk menganalisis kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran.



Menurut Yong dan Subramanian (2012) menyatakan bahasa aspek tatabahasa merupakan aspek yang paling sukar untuk dikuasai oleh murid. Dalam pada itu kesalahan ini sering ditemukan, bukan sahaja dalam penulisan karangan, malah dalam penulisan lain, seperti dalam laporan akhbar (Hamidah Abdul Wahab, 2012). Antara faktor berlakunya kesalahan bahasa ini adalah penggunaan medium komunikasi semasa sesi pengajaran bahasa Melayu di dalam kelas. Menurut Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari (2020) menyatakan bahawa keterampilan berbahasa dalam kalangan murid dapat ditingkatkan sekiranya guru merancang strategi pengajaran pembelajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam konteks ini, menurut Zaliza Nasir (2017) berpendapat bahawa apabila pelajar menggunakan bahasa kedua semasa pembelajaran, pelajar lebih cenderung untuk menggantikan atau memindahkan peraturan bunyi dan tatabahasa daripada bahasa ibunda. Hal ini selari dengan masalah yang dihadapi oleh MBPK ketidakupayaan pendengaran yang mana corak penulisan mereka lebih berfokus kepada BIM. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka.

Oleh itu, sekiranya MBPK ketidakupayaan pendengaran dapat menguasai kemahiran berbahasa seperti kemahiran mengeja dan menguasai kemahiran penulisan ayat mengikut struktur ayat dengan baik, mereka akan dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Dalam usaha meningkatkan lagi kemahiran penulisan MBPK ini, satu kajian haruslah dijalankan bagi mendapat data tentang kesalahan penulisan dari peringkat ortografi, morfologi dan sintaksis serta meneliti medium komunikasi dan




teknik pengajaran yang berkesan bagi MBPK ketidakupayaan pendengaran tahap teruk dan sangat teruk.

1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep yang dinyatakan ini adalah kerangka konsep kajian dan andaian asas yang dijadikan panduan dan mencadangkan cara-cara pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data. Kerangka konsep membolehkan pengkaji mengaitkan pengetahuan asas bagi setiap kajian yang telah disumbangkan oleh pengkaji sebelum ini serta meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan data yang lebih luas.

Dalam pada itu, kerangka konsep ini juga lebih cenderung untuk membantu pengkaji membaiki konsep, menilai andaian teori dan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan secara tidak langsung. Menurut Neuman (1998) menyatakan bahawa kerangka konsep tidak kekal dalam jangka masa yang panjang, hal ini disebabkan oleh kerangka konsep adalah terbuka kepada semakan.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesalahan penulisan bahasa Melayu yang melibatkan aspek ortografi, morfologi dan sintaksis dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran dan melihat kesan penggunaan BMKT terhadap struktur penulisan bahasa Melayu serta mencari teknik pengajaran yang dapat mengurangkan kesalahan dan penulisan bahasa Melayu.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji untuk dijadikan panduan dalam menyelesaikan permasalahan dan melengkapkan kajian ini.

Pengkaji telah menganalisis kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran. Dalam usaha menganalisis kesalahan bahasa ini. Pengkaji telah membina instrumen dan mengaplikasikan teori analisis kesilapan bahasa. Analisis kesilapan bahasa ini berguna kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta asas penilaian tentang penguasaan bahasa informan.

Analisis kesilapan ini juga dapat membantu pengkaji mengenali jenis kesilapan yang dilakukan oleh informan yang berpunca daripada pelbagai sebab di samping memberi panduan kepada pengkaji untuk mencari cara bagi mengatasi kelemahan tersebut. Kajian yang telah dijalankan ini meliputi aspek kesalahan ortografi (ejaan), morfologi yang melibatkan elemen imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Aspek sintaksis pula melibatkan struktur ayat yang melibatkan susunan perkataan dalam ayat bahasa Melayu.



Proses pembinaan instrumen ini dimulakan dengan proses analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Dalam fasa pertama iaitu analisis, pengkaji telah mengenal pasti masalah yang dihadapi, keadaan informan, keadaan persekitaran dan keperluan berdasarkan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam fasa kedua pula iaitu reka bentuk, pengkaji telah melakukan proses reka bentuk dan menentukan objektif yang ingin dicapai, merancang dan menentukan bahan yang digunakan.

Dalam fasa ketiga iaitu pembangunan, pengkaji membangunkan instrumen mengikut objektif yang hendak dicapai. Dalam fasa keempat iaitu pelaksanaan, pengkaji telah melaksanakan instrumen terhadap informan kajian. Penilaian dilakukan oleh pengkaji melalui analisis dokumen berdasarkan instrumen yang dilaksanakan oleh informan. Temu bual juga turut dilaksanakan untuk mendapatkan data. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan pemerhatian sebagai data sokongan untuk melengkapi dan mengesahkan data yang diperolehi.


1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengkaji tentang kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran di sekolah rendah. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan empat objektif yang ingin dicapai dalam kajian. Antaranya adalah:



1. Mengenal pasti kesalahan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran.
2. Mengenal pasti kesan penggunaan KTBM terhadap struktur penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran.
3. Mengenal pasti teknik untuk mengurangkan kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran.
4. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran.

1.6 Persoalan Kajian

05-4506832        

Bagi mencapai objektif yang dikemukakan, pengkaji cuba menjawab persoalan seperti berikut:

1. Adakah terdapat kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu MBPK ketidakupayaan pendengaran?
2. Apakah kesan penggunaan KTBM terhadap struktur penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran?
3. Apakah teknik yang boleh digunakan dalam mengurangkan kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran?
4. Apakah faktor yang mempengaruhi kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran?

1.7 Kepentingan Kajian

Masalah penguasaan bahasa Melayu MBPK ketidakupayaan pendengaran khususnya dalam penulisan sering diperkatakan oleh guru-guru yang mengajar mereka. Jika masalah ini tidak diatasi, perkara ini akan memberi impak yang negatif kepada perkembangan bahasa MBPK ketidakupayaan pendengaran. Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji ini bertujuan untuk melihat kesalahan bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran dan seterusnya dapat melihat teknik yang boleh digunakan bagi mengurangkan masalah kesalahan dalam penulisan bahasa Melayu dan faktor yang mempengaruhi kesalahan dalam penulisan bagi MBPK ketidakupayaan pendengaran.

05-4506832 Seterusnya, pengkaji mendapati kajian ini penting untuk: Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Guru Pendidikan Khas

Hasil dapatan kajian ini dapat menjadi bahan rujukan kepada para guru dalam proses meningkatkan amalan profesional dalam proses pengajaran bahasa kepada MBPK ketidakupayaan pendengaran di sekolah. Menurut Khoza (2016), pengetahuan pedagogi ternyata menjadi peramal terhadap keberkesanan kualiti pengajaran. Oleh itu, usaha sama dalam kalangan guru amat diperlukan dalam usaha mengurangkan masalah penulisan bahasa Melayu. Hal ini berikutan ketidakupayaan mereka dalam menguasai asas kemahiran bahasa akan memberi impak yang negatif kepada masa depan mereka. Dalam pada itu, kajian ini juga diharap menjadi sumber dan membuka minda para

pendidik dalam memilih dan mengaplikasikan pendekatan yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Keberkesanan proses pengajaran di dalam kelas mampu meningkatkan lagi kemahiran penulisan ayat dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini. Menurut McTighe dan Silver (2020) membuktikan bahawa kualiti pengajaran guru yang baik dan berkesan akan membolehkan murid menguasai pembelajaran dengan sepenuhnya. Pengaplikasian teknik yang sesuai dalam pengajaran ayat bahasa Melayu dapat meningkatkan kefahaman dan ingatan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini dan seterusnya dapat meningkatkan lagi pencapaian mereka dalam akademik dan seterusnya dalam kelangsungan kehidupan mereka seharian.

1.7.2 Pentadbir Sekolah

Hasil dapatan kajian, pihak pentadbir Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dapat meneliti dan mencari inisiatif untuk meningkatkan lagi kualiti pentadbirannya. Pihak sekolah boleh menentukan guru yang selayaknya untuk mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran ini dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Persediaan pembelajaran dalam kalangan guru juga boleh diterapkan dalam bagi menentukan kaedah yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu MBPK ketidakupayaan pendengaran ini. Perkongsian amalan terbaik dalam pengajaran juga boleh dirancang oleh pihak sekolah bagi menentukan teknik dan kaedah pedagogi yang terbaik dalam pengajaran bahasa Melayu.

Di samping itu, pihak sekolah juga boleh memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini kerana, pengamatan visual dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini amat penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, bahan bantu mengajar sangat penting kerana bahan ini amat memudahkan MBPK ketidakupayaan pendengaran ini memahami sesuatu perkara.

1.7.3 Bahagian Pendidikan Khas

Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran yang sebenar kepada Bahagian Pendidikan Khas (BPK) dalam merancang segala aktiviti dan sedia memberi pendedahan yang terbaik kepada guru-guru dalam proses pengajaran yang tepat bagi murid-murid pekak ini. Sehubungan dengan itu, pihak BPK juga boleh menyediakan kursus pedagogi amalan terbaik bahasa Melayu kepada semua guru bahasa Melayu yang mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran ini supaya guru-guru ini boleh menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai dalam mengajar MBPK ketidakupayaan pendengaran ini.

1.7.4 Pegawai Kementerian Pendidikan dan Institut Pendidikan Guru

Pemimpin pendidikan yang tersenarai di atas dan bakal guru juga boleh bergantung kepada kajian ini bagi mencadangkan kursus-kursus dan dasar-dasar untuk



meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid masalah pendengaran.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan terbatas kepada beberapa aspek penting iaitu tempat kajian, saiz sampel kajian dan skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di Utara yang merupakan sekolah yang dikhususkan untuk MBPK ketidakupayaan pendengaran. Informan kajian ini terbatas kepada 10 orang murid yang berumur 12 tahun. Sampel kajian ini terdiri daripada murid berbangsa Melayu, Cina dan India yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan mengalami kehilangan pendengaran jenis sensorineural dan campuran yang mempunyai tahap kehilangan pendengaran teruk hingga sangat teruk.

Namun begitu, pengkaji tidak mengambil kira faktor status bangsa dan tahap sosioekonomi informan. Dapatan kajian ini hanya menjelaskan tahap penguasaan sampel kajian dalam bahasa Melayu sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan. Jenis-jenis kesalahan penulisan bahasa Melayu yang dikaji dalam analisis dokumen yang dihasilkan adalah dibataskan kepada kesalahan peringkat ortografi (ejaan), morfologi dan sintaksis yang terdapat dalam instrumen penentuan penguasaan bahasa Melayu MBPK ketidakupayaan pendengaran iaitu:

- i. Kesalahan Ejaan
- ii. Kesalahan Morfologi



- a. Awalan (F1-F2)
 - b. Akhiran (F3-F4)
 - c. Sisipan (F5-F6)
 - d. Apitan (F7-F8)
- iii. Kesalahan Sintaksis
- a. Susunan Perkataan (S1-S3)
 - b. Bina Ayat (S4-S8)

Pemerhatian dalam kajian ini hanya melihat pada aspek medium komunikasi guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pemerhatian terhadap penggunaan medium komunikasi ini dibataskan kepada beberapa aspek iaitu penggunaan bahasa Isyarat Malaysia (BIM), penggunaan KTBM sebagai medium utama dalam penyampaian bahasa pengajaran bahasa Melayu, menggunakan selain KTBM dan BIM dalam penyampaian bahasa Melayu, menggunakan ayat lengkap mengikut tatabahasa bahasa Melayu dan menggunakan ayat ringkas tanpa mengikut tatabahasa bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pemerhatian ini adalah untuk menyokong dapatan bagi persoalan yang kedua dalam kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang perlu dijelaskan bagi memberi kefahaman yang mendalam kepada pembaca terhadap kajian disertasi ini senaraikan:

1.9.1 Analisis

Menurut Moeliono (1988:32 dalam Sri Endang, 2020) menjelaskan bahawa analisis adalah penghuraian tentang asas dalam bahagian-bahagian dan penelitian terhadap bahagian serta menghubungkan antara bahagian untuk memperoleh maksud yang sebenar secara keseluruhannya. Hal ini bermaksud bahawa input atau data yang diperolehi akan diteliti dan dikaji untuk tindakan sama ada untuk membanding beza, mencari punca dan mencari maksud yang sebenar tentang sesuatu perkara.

Dalam proses menganalisis, pengkaji akan membuat rujukan berdasarkan bahan-bahan yang berkaitan dengan analisis kesilapan. Kajian-kajian ini amat penting bagi pengkaji memahami dengan lebih jelas dan terperinci tentang aspek-aspek yang berhubungan dengan analisis kesilapan.

Analisis kesilapan merupakan bidang linguistik terapan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam usaha mempelajari bahasa kedua, seseorang murid pasti akan membuat kesilapan dan kesalahan. Kesilapan yang dilakukan oleh murid dalam proses pembelajaran bahasa kedua adalah elemen yang tidak boleh dielakkan. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat dan menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh informan dalam aspek ortografi, morfologi dan sintaksis. Pengkaji akan melihat kepada jumlah kesalahan yang dilakukan oleh informan.

1.9.2 Kesalahan

Kesalahan adalah apa-apa jua penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan oleh pembelajaran yang salah atau belum sempurna (Richard et.al 1992 dalam Ali Khansir 2012),

Ellis (1997) mencadangkan dua cara. Cara pertama adalah dengan memeriksa prestasi pelajar secara berterusan. Jika pelajar kadang-kadang menggunakan bahasa yang salah dan kadang-kadang menggunakan bentuk bahasa yang betul, dia sebenarnya melakukan kesilapan. Namun begitu, jika pelajar sering menggunakan bentuk bahasa yang salah, dia sebenarnya melakukan kesalahan. Cara kedua adalah dengan meminta pelajar membetulkan kesalahan bahasanya sendiri. Jika dia berjaya membetulkan kesalah tersebut. Dia sebenarnya melakukan kesilapan. Sebaliknya, jika gagal, dia sebenarnya melakukan kesalahan. Dalam kajian ini, pengkaji melihat setiap penulisan informan dalam ujian penentuan penguasaan bahasa Melayu MBPK ketidakupayaan pendengaran dan menyemak kesalahan berdasarkan Tatabahasa Dewan.

1.9.3 Penulisan

Penggunaan cetakan adalah untuk menghasilkan mesej untuk berkomunikasi dengan orang lain. Dalam aspek penulisan, terdapat dua perkara iaitu menulis huruf dan perkataan serta mengarang makna mesej. Kemahiran menulis dikenali sebagai kebolehan murid meluahkan hujah menerusi banyak jenis hasil penulisan yang

berkaitan dengan pelajaran yang diajar dan pengalaman lampau dengan penggunaan ejaan dan tanda baca dengan betul, ayat yang gramatis serta tulisan yang kemas dan jelas (Satya & Rao, 2018).

Menurut Ahmad Muaz et. al (2020) menyatakan bahawa kemahiran menulis dianggap sebagai kemampuan murid menulis perkataan, ayat dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Bagi tujuan kajian ini, penulisan merujuk kepada aktiviti tulisan informan yang ditulis menggunakan tangan. Penulisan merujuk kepada teks yang bertulis dalam bentuk perkataan, frasa dan/atau ayat yang dihasilkan oleh informan dalam bahasa Melayu yang melibatkan aspek ortografi, morfologi dan sintaksis.

1.9.4 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Ketidakupayaan Pendengaran

Frasa ini merujuk kepada murid-murid yang ‘pekak’, cacat pendengaran’, dan ‘bermasalah pendengaran’. Dalam konteks pendidikan khas, murid yang mengalami masalah pendengaran biasanya dikenali sebagai murid ketidakupayaan pendengaran (Bahariah et. al, 2021). Biasanya, MBPK ketidakupayaan pendengaran akan ditempatkan di sekolah pendidikan khas mengikut negeri masing-masing. Walaupun murid ini ditempatkan di sekolah pendidikan khas. Namun, mereka juga turut mempelajari sukatan pelajaran yang sama dengan murid di aliran perdana. Mereka turut menduduki setiap peperiksaan awam seperti murid di aliran perdana.

Bezanya adalah mereka menggunakan medium komunikasi kod tangan bahasa Melayu dan bahasa isyarat Malaysia sebagai medium untuk mendapatkan maklumat (Grove & Woll, 2017). MBPK ketidakupayaan pendengaran mempunyai bahasa tersendiri iaitu bahasa Isyarat. Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua yang dipelajari secara formal di sekolah untuk tujuan pendidikan (Abdul Rahim et. al, (2018)

Di Malaysia, terdapat pelbagai istilah yang digunakan dalam kalangan masyarakat umum apabila ingin merujuk kepada mereka yang mengalami masalah pendengaran. Menurut Norani et.al (2001) menyatakan bahawa istilah-istilah yang sering digunakan adalah ‘bermasalah pendengaran’, ‘pekak dan bisu’, ‘cacat pendengaran’, ‘kurang pendengaran’, ‘tuli’, ‘tidak upaya atau kurang upaya pendengaran’, ‘pekak badak’ dan ‘tuna pendengaran’. Penggunaan istilah ini biasanya berdasarkan fahaman atau pandangan individu terhadap ketidakupayaan pendengaran. Hal ini memberi kesan kepada persepsi dan menjadi kekeliruan dalam masyarakat terhadap mereka yang mengalami ketidakupayaan pendengaran. Namun begitu, istilah-istilah tersebut adalah merujuk kepada kumpulan orang yang sama.

Dalam pada itu, penggunaan istilah ini sering berubah-berubah tetapi merujuk kepada ketidakupayaan yang sama. Contohnya, daripada istilah pekak berubah kepada murid masalah pendengaran dan berubah kepada murid ketidakupayaan pendengaran dan murid berkeperluan khas pendengaran dan kini adalah murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ketidakupayaan pendengaran. Penggunaan istilah ini berubah dari semasa ke semasa.

Secara ringkasnya, MBPK ketidakupayaan pendengaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada murid yang menghadapi ketidakupayaan pendengaran pada kedua-dua belah telinga dan tiada masalah sampingan. Jenis masalah deria yang dialami oleh murid-murid ini boleh terdiri daripada sensorineural dan campuran. Tahap kehilangan pendengaran murid-murid ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu tahap teruk (71dB-90dB) dan sangat teruk (90dB ke atas).

1.10 Rumusan

Bab ini telah menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mengapa kajian ini perlu dilakukan. Hal ini bertujuan untuk menyingkap permasalahan yang berlaku dan meningkatkan usaha institusi pendidikan negara khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran. Oleh itu, keperluan dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan MBPK ketidakupayaan pendengaran di peringkat sekolah rendah perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Pengkaji berharap dengan perlaksanaan kajian ini akan merungkaikan persoalan yang wujud mengenai kesalahan dalam penulisan dan penggunaan bahasa Melayu terhadap MBPK ketidakupayaan pendengaran